



Kolej Komuniti Sungai Petani

# SEKAPUR SIRIH

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera. Syukur Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, dengan izinNYA kita dapat menerbitkan WAHANA Siri 2 Tahun 2020 dengan jayanya.


Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada barisan jawatankuasa yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan kali ini.


Penerbitan WAHANA adalah satu inisiatif untuk mendokumentasikan segala aktiviti dan program yang telah dilaksanakan di KKSP sepanjang bulan Mei hingga Ogos 2020. Mudah-mudahan maklumat yang dipaparkan dalam WAHANA kali ini dapat menjadi sumber rujukan pada masa akan datang.

Akhir kata, saya berharap warga KKSP akan terus konsisten dalam melaksanakan semua tugas yang diamanahkan dalam menjadikan KKSP antara yang terbaik antara terbaik.

*Khairul Anuar*

Ts.Khairul Anuar bin Ishak  
Pengarah  
Kolej Komuniti Sungai Petani





# Agenda

01 INFO@KKSP

02 AKTIVITI-AKTIVITI  
WARGA KKSP

03 PENGHANTARAN  
PELAJAR SEMASA  
PKP

04 PENDAFTARAN  
PELAJAR BAHRU  
SESI JUN 2020

05 LAWATAN  
RASMI/TAKLIMAT/  
MESYUARAT/  
PERJUMPAAN KHAS

05 KUNJUNGAN  
HORMAT KEPADA  
AGENSI

07 KURSUS-KURSUS

08 PEMBELAJARAN &  
PENGAJARAN  
DALAM TALIAN

09 TIPS/SANTAPAN  
JIWA



**INFO@KKSP**

# UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSILAN KKSP



# 375 EMAS

*Statistik Pengcapaian Emas mengikut statistik*

- |           |  |
|-----------|--|
| <b>32</b> | Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah   |
| <b>28</b> | Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin  |
| <b>27</b> | Politeknik Port Dickson  |
| <b>26</b> | Politeknik Mersing   |
| <b>21</b> | Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah   |
| <b>16</b> | Politeknik Muadzam Shah  |
| <b>12</b> | Politeknik METR0 Johor Bahru<br>Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah<br>Politeknik Melaka |
| <b>11</b> | Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah  |
| <b>10</b> | Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin<br>Kolej Komuniti Sungai Petani                      |
| <b>9</b>  | Politeknik Sultan Azlan Shah   |
| <b>8</b>  | Kolej Komuniti Kepala Batas  |

**7** Politeknik Ungku Omar  
Politeknik Sultan Idris Shah  
Politeknik Merlimau  
Kolej Komuniti Kuala Langat

**6** Kolej Komuniti Pasir Gudang

**5** Politeknik Seberang Perai  
Kolej Komuniti Sungai Siput  
Kolej Komuniti Segamat 2  
Kolej Komuniti Masjid Tanah  
Kolej Komuniti Bandar Darulaman

**4** Politeknik Jeli  
Kolej Komuniti Sik  
Kolej Komuniti Nibong Tebal  
Kolej Komuniti Jelebu

**3** Politeknik Hulu Terengganu  
Politeknik Balik Pulau  
Kolej Komuniti Kuching  
Kolej Komuniti Kuala Pilah  
Kolej Komuniti Jerantut  
Kolej Komuniti Bagan Datuk

**2** Politeknik Mukah  
Politeknik METR0 Kuantan  
Politeknik Kota Kinabalu  
Politeknik Ibrahim Sultan  
Kolej Komuniti Teluk Intan  
Kolej Komuniti Selandar  
Kolej Komuniti Seberang Jaya  
Kolej Komuniti Pekan  
Kolej Komuniti Ledang  
Kolej Komuniti Kulim  
Kolej Komuniti Kuala Terengganu  
Kolej Komuniti Gerik  
Kolej Komuniti Bukit Beruang  
Kolej Komuniti Bagan Serai  
Kolej Komuniti Arau

23 Julai-TAHNIAH KKSP diatas pencapaian 10 pingat EMAS dalam pertandingan inovasi merangkumi peringkat kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun 2019.

KKSP adalah antara yang menyumbang dalam 375 PINGAT EMAS keseluruhan bagi Politeknik Kolej Komuniti tahun 2019.

## PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2019



23 Jun-Tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019.Semoga terus cemerlang dan menjadi yang terbaik antara yang terbaik.

# SANITASI BANGUNAN



28 Julai-Terima kasih kepada pasukan Balai Bomba dan Penyelamat Amanjaya yang membantu Kolej Komuniti Sungai Petani menyediakan semua keperluan sanitasi bangunan sebelum kemasukan pelajar.



# LITE & SWEET



9 Ogos-Lite & Sweet memulakan operasi secara rasmi di cawangan baharu bertempat di The Jerai Hotel Sungai Petani.



# **AKTIVITI -AKTIVITI WARGA KKSP MEI-OGOS 2020**

# SUKAN BADMINTON

17 Jun-Sebahagian daripada aktiviti FITFORLIFE @KKSP yg bermula dari 1 Julai hingga 31 Disember 2020.

Program ini diadakan secara berperingkat kepada semua warga kolej dengan menerapkan amalan bersukan dalam kehidupan.



# MAJLIS PERHIMPUNAN STAF BULAN JULAI TAHUN 2020



19 Julai-Tuan Ts.Khairul Anuar bin Ishak buat julung kalinya bersama staf dalam Majlis Perhimpunan Staf pada 19 Julai 2020. Majlis ini adalah yang pertama bersama semua warga KKSP selepas melapor diri sebagai Pengarah pada April lalu.

Pelbagai amanat dan harapan telah disampaikan kepada semua warga KKSP dalam usaha menjadikan KKSP lebih gemilang di masa akan datang.

Tuan Pengarah turut menyampaikan Sijil Staf Cemerlang kepada beberapa orang staf sebagai suntikan semangat untuk lebih berjaya.

# "INFO ON WHEEL" JAPEN SEMPENA KEMERDEKAAN



5 Ogos-Terima kasih Pusat Maklumat Rakyat Daerah Kuala Muda diatas kesudian memilih Kolej Komuniti Sungai Petani sebagai tempat persinggahan untuk menyampaikan "Info On Wheels" kepada semua yang hadir pada hari pendaftaran pagi ini.

Untuk makluman, Unit Hebahani Bergerak Jabatan Penerangan Malaysia menjadikan program "Info On Wheels" (IOW) sebagai inisiatif untuk menyebarkan maklumat dan dasar-dasar kerajaan secara bersemuka kepada seluruh lapisan masyarakat.

IOW yang disampaikan pagi ini oleh Pegawai Penerangan Daerah Kuala Muda, Encik Jamil Zainul berkisar mengenai normal baharu kehidupan, sambutan bulan Kebangsaan & Kempen Kibar Jalur Gemilang , sambutan 50 Tahun Rukun Negara dan Bancian Penduduk & Perumahan Tahun 2020.

Semoga perkongsian tersebut dapat memberikan info yang tepat kepada semua yang hadir.

# WE CARE WE SERVE



11 Ogos-Tuan Pengarah ,Ts. Khairul Anuar Bin Ishak melapangkan masa pagi ini meninjau perjalanan program WE CARE WE SERVE iaitu program sarapan percuma kepada pelajar.

Program yang berlangsung pada Selasa pagi setiap minggu ini bertujuan untuk menggalakkan pelajar menikmati sarapan sebelum menjalani sesi pengkuliahan.

# JAHITAN PPE FASA 2



3 Mei 2020 - Kerja-kerja menjahit PPE Fasa 2 diteruskan lagi. Sukarelawan yang terlibat dalam fasa 2 terdiri daripada staf Kolej Komuniti Sungai Petani, Kolej Komuniti Baling, Kolej Komuniti Jerai dan Kolej Komuniti Bayan Baru.

Terima kasih kepada semua yang menyumbang bakti.



# PENYERAHAN PPE FASA KEDUA PADA 11 MEI 2020

11 Mei-Kolej Komuniti Sungai Petani bergabung tenaga dan kepakaran bersama-sama Kolej Komuniti Baling, Kolej Komuniti Arau , Kolej Komuniti Jerai, Kolej Komuniti Bayan Baru, Sukarelawan Persatuan Sayang Sungai Petani, Sukarelawan IKRAM Perlis dan peserta-peserta empowerNCER menghasilkan Perlindungan Diri (PPE) pada fasa kedua ini.

Untuk makluman, projek jahitan ini menggunakan bahan sumbangan dari Yayasan Hasani,Persatuan Pakar Perubatan Awam Malaysia, Sedekah Jariah Ustaz Ghani Harun, Persatuan Sayang Sungai Petani dan Dana Covid Team S&S.

# MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN MAKANAN HARIAN



5 Mei 2020-Pengerusi Persatuan Sayang Sungai Petani, Dato' Paduka Hj Jaafar Bin Mohamad bersama Yayasan HASANI dibawah pimpinan Tn Hj Farook Hasan telah menyampaikan 60 pek makanan harian untuk asnaf - asnaf OKU, ibu tunggal dan veteran-veteran tentera yang memerlukan melalui CVC 19 & Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia yang diwakili oleh Dr Hamizah Sultan.

Majlis penyerahan yang diadakan di Kolej Komuniti Sungai Petani ini turut disaksikan oleh Pengarah Kolej Komuniti Sungai Petani Tuan Ts. Khairul Anuar bin Ishak dan Pengarah Kolej Komuniti Baling iaitu Puan Sobah Binti Abdul Hamid.

# KERATAAN AKHBAR

## Jahitan PPE Fasa 1



# BH ONLINE | 2 MEI 2020

#Penjarakansosial • Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihhan tempoh tamat 41 Hari 07 Jam 34 M

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU BH KAPSUL

BERITA » Wilayah  
Sabtu, 2 Mei 2020 | 10:33am



Antara tenaga pengajar Kolej Komuniti dan Kolej Komuniti Baling yang terbabit dalam projek menjahit PPE. - Foto ihsan Kolej Komuniti Sungai Petani.

Kolej Komuniti Sungai Petani dan Baling bekerjasama jahit PPE



Oleh Nor Farhani Che Ad  
bhnews@bh.com.my

SUNGAI PETANI: 20 tenaga pengajar Kolej Komuniti Sungai Petani dan Kolej Komuniti Baling bergabung tenaga menyiapkan set peralatan perlindungan diri (PPE) buat petugas barisan hadapan di negeri ini.

Pengarah Kolej Komuniti Sungai Petani, Khairul Anuar Ishak, berkata projek yang bermula 23 April itu membabitkan tenaga pengajar kelas jahitan, kulinari, automotif dan pengajian am.

"Kolej Komuniti Sungai Petani dijadikan pusat penyediaan PPE berikutan kami mempunyai bengkel jahitan selain majoriti mereka yang sukarelawan melaksanakan projek ini tinggal di sekitar Sungai Petani," katanya.

Khairul berkata, setakat ini, sebanyak 2,000 set PPE sudah berjaya disiapkan dan diserahkan kepada Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) serta klinik kesihatan sekitar daerah Kuala Muda.

Katanya, pihaknya sedang berusaha menyiapkan kira-kira 2,000 set PPE lagi yang dijangka siap selewat-lewatnya minggu hadapan.

"Bagi fasa dua ini, kami merancang menyerahkan kepada beberapa lagi hospital dan klinik kesihatan di sekitar negeri Kedah," katanya.

Beliau berkata, projek jahitan itu menggunakan bahan yang disumbangkan Yayasan Hasani, Persatuan Pakar Perubatan Awam Malaysia, Sedekah Jariah Ustaz Ghani Harun, Persatuan Sayang dan Dana COVID Team S&S.

# KERATAN AKHBAR



Premium Berita Edisi E Paper Lifestyle Suara Sinar Kolumnis Video Khas

Rabu | 22 Julai 2020

>> EDISI > UTARA > Pensyarah kolej komuniti siapkan 4,000 PPE

## Pensyarah kolej komuniti siapkan 4,000 PPE

SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA | 11 Mei 2020



Khairul Anuar (tiga kiri) menyerahkan PPE kepada Jaafar ketika sesi penyerahan di Kolej Komuniti Sungai Petani hari ini.



SUNGAI PETANI - Lebih 100 sukarelawan membabitkan pensyarah, kakitangan kolej komuniti dan badan bukan kerajaan (NGO) menghasilkan 4,000 peralatan perlindungan diri (PPE) untuk petugas barisan hadapan.

Pengarah Kolej Komuniti Sungai Petani, Ts Khairul Anuar Ishak berkata, antara pensyarah dan kakitangan kolej komuniti terlibat ialah Kolej Komuniti Sungai Petani, Kolej Komuniti Baling, Kolej Komuniti Jerai, Kolej Komuniti Arau dan Kolej Komuniti Bayan Baru.

"Kami mula menjahit peralatan itu pada April lepas di Kolej Komuniti Sungai Petani dan ada sebilangan kecil dibawa pulang oleh ahli NGO untuk disiapkan," katanya selepas penyerahan PPE fasa kedua hari ini.

Hadir sama Pengarah Kolej Komuniti Baling, Sobah Abdul Hamid; Pengarah Kolej Komuniti Arau, Zainudin Yahya; Pengarah Kolej Komuniti Jerai, Azrul Hisham Shuid dan Pengurus Persatuan Sayang Sungai Petani, Datuk Jaafar Mohamad.

Sementara itu, Sobah berkata, projek berkenaan pada mulanya bertujuan memenuhi permintaan Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia.

"Bagaimanapun, kami menerima pelawaan Persatuan Sayang Sungai Petani untuk meneruskan projek menyediakan PPE dan sumbangan material daripada Yayasan Hasani.

"Disebabkan permintaan tinggi, pensyarah dan kakitangan Kolej Komuniti Jerai dan Kolej Komuniti Arau turut membuka bengkel jahitan di kolej masing-masing untuk tujuan sama," katanya.

Katanya, pengorbanan itu membuktikan warga kolej komuniti dan sukarelawan berganding bahu membantu petugas barisan hadapan supaya negara pulih daripada wabak koronavirus (Covid-19).

"Kerjasama yang terjalin mampu mengeratkan hubungan pelbagai pihak dan bersedia bekerjasama jika khidmat dan bantuan diperlukan pada masa depan," katanya.

**WORD**  
Monetize  
**Unlock your blog's true revenue potential**  
Streamline Monetization, Site Speed and More  
[GET STARTED](#)

# Jahitan PPE Fasa II

# **PENGHANTARAN PULANG PELAJAR SEMASA PKP MEI-OGOS 2020**





# PENGHANTARAN PULANG PELAJAR SEMASA PKP

3 Mei-Unit Hal Ehwal Pelajar telah menguruskan penghantaran pelajar KKSP yang terkandas semasa Perintah Kawalan ke Machang dan Kota Bharu,Kelantan

1. Nurul Anis Binti Mohd Yusoff
2. Muhammad Ashraf Bin Armi
3. Wan Muhammad Bukhari Bin Wan Lah
4. Nik Muhammad Naim Bin Zainuddin
5. Amirul Alif Bin Shukri

# PENGHANTARAN PULANG PELAJAR SEMASA PKP

7 Mei-Proses penghantaran pulang pelajar Diploma Terapi Kecantikan, Kolej Komuniti Sungai Petani iaitu Nur Fatin Ezaty Bt Abd Latif ke Petaling Jaya (dari Zon Utara ke Zon Tengah) pada 6 Mei 2020.



**PERGERAKAN PULANG PELAJAR KKSP  
PADA 7 MEI 2020**  
**DARI ZON TENGAH KE ZON PANTAI TIMUR**  
**SEMOGA SELAMAT SAMPAI KE DESTINASI**



**PERGERAKAN PULANG PELAJAR KKSP  
DARI ZON TENGAH KE ZON UTARA  
PADA 7 MEI 2020**  
**SEMOGA SELAMAT SAMPAI KE DESTINASI**



**PERGERAKAN PULANG PELAJAR KKSP  
DARI ZON TENGAH KE ZON UTARA  
PADA 7 MEI 2020**  
**SEMOGA SELAMAT SAMPAI KE DESTINASI**

# PENGHANTARAN PULANG PELAJAR SEMASA PKP

- Pergerakan pulang
1. Nur Syara Aida Bt Mohd Alimi
  2. Anis Nabila Bt Suhardi
  3. Iman Nabilah Bt Mohd Zahar
  4. Nurul Aina Bt Zaidi

# PENGHANTARAN PULANG PELAJAR SEMASA PKP

9 Mei-Pergerakan pulang Muhammad Azfarish Syah Bin Abd Manan program Sijil Servis Kenderaan Ringan (SKR) dari Zon Utara (UUM) ke Zon Selatan (Pasir Gudang).



# PENGHANTARAN PULANG PELAJAR SEMASA PKP

6 Mei-Terima kasih Kolej Komuniti Langkawi kerana telah membantu penghantaran pulang pelajar KKSP Muhammad Hazrin Bin Abd Rashid program Sijil Operasi Perhotelan dari Jeti Pulau Langkawi ke Jeti Kuala Kedah.

Pelajar ketika itu sedang menjalani Latihan Industri di Langkawi semasa PKP berlangsung.


**MUHAMMAD HAZRIN B. ABD RASHID**  
**SOP4B**  
**6 MEI 2020**  
**PERGERAKAN PULANG DALAM  
NEGERI KEDAH IAITU PULAU  
LANGKAWI KE ALOR SETAR**



# PENGHANTARAN PULANG PELAJAR SEMASA PKP

15 Mei-Pergerakan pulang pelajar KKSP iaitu Nurfarahil Bt Mohtada program Sijil Kulinari pada 15 Mei 2020 dari Zon Utara (Kolej Komuniti Kulim) ke KLIA dan seterusnya menaiki kapal terbang dari KLIA ke Bintulu Sarawak pada 16 Mei 2020.


Semoga Nurfarahil selamat sampai ke pangkuhan keluarga di Mukah, Sarawak.



# PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI JUN 2020

MEI-OGOS 2020

# PENDAFTARAN PELAJAR SKR



3 Ogos-Selamat Datang ke Kolej Komuniti Sungai Petani kepada semua pelajar baharu yang telah mendaftar. Sesi pendaftaran pelajar baharu telah dipecahkan kepada beberapa kumpulan mengikut program demi mematuhi SOP PKPP yang telah ditetapkan. Sesi pendaftaran pelajar adalah seperti berikut:

- 3 Ogos 2020- Sijil Servis Kenderaan Ringan
- 4 Ogos 2020- Sijil Kulinari
- 5 Ogos 2020- Sijil Operasi Perhotelan
- 6 Ogos 2020- Sijil Terapi Kecantikan & SPA

Sesi pendaftaran turut diselitkan dengan Sesi Taklimat Pengarah Bersama Waris bagi memberi penerangan kepada waris tentang perjalanan program pilihan anak-anak mereka sepanjang belajar di KKSP.

# PENDAFTARAN PELAJAR SKU



4 Ogos-Sesi taklimat Pengarah KKSP bersama waris pelajar Sijil Kulinari yang mendaftar pada 4 Ogos 2020.

Terima kasih di atas segala maklumbalas dari waris pelajar

# PENDAFTARAN PELAJAR SOP



5 Ogos-Taklimat Pengarah KKSP bersama waris pelajar Sijil Operasi Perhotelan telah berlangsung dengan jayanya pada hari ini 5 Ogos 2020.Turut hadir bersama semasa taklimat berlangsung adalah Puan ASP Farhana Binti Hj Ishak, Pegawai Perhubungan Kolej dari IPD Kuala Muda.

Terima kasih di atas segala kerjasama dari semua waris pelajar.

# PENDAFTARAN PELAJAR STK



6 Ogos-Taklimat waris pelajar Sijil Terapi Kecantikan & SPA bersama Timbalan Pengarah Pengurusan, Puan Nor Zalina binti Mohd Yusof.  
Hari ini merupakan hari terakhir pendaftaran pelajar sesi Jun 2020 bagi Sijil Terapi Kecantikan & SPA. Tahniah kepada semua pelajar yang mendaftar hari ini.



# **LAWATAN RASMI / TAKLIMAT / MESYUARAT/ PERJUMPAAN KHAS MEI-OGOS 2020**



## LAWATAN KERJA

# TIMBALAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI

19 Jun-Lawatan Kerja Yang Berhormat Dato' Mansor Bin Othman, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi ke Kolej Komuniti Sungai Petani pada 19 Jun 2020 (Jumaat).

Lawatan memfokuskan kepada pelaksanaan Pengajaran & Pembelajaran serta pembudayaan keusahawanan di KKSP.

## **USAHASAMA PROGRAM RINTIS SIJIL KEMAHIRAN PASTRI PENDIDIKAN KHAS**

12 Julai-Usahasama program rintis Sijil Kemahiran Pastri Pendidikan Khas bersama Pejabat Pendidikan Daerah Kulim Bandar Baharu, SMK Labu Besar, SMK Padang Serai dan SMK Air Merah.

Semoga usahasama ini dapat dimanfaatkan untuk kebajikan semua pelajar pendidikan khas di masa akan datang.



# LAWATAN OLEH PUSAT PROMOSI KESIHATAN KOMUNITI (PPKK)



27 Julai-Lawatan rasmi oleh Pusat Promosi Kesihatan Komuniti (PPKK), Alor Setar dan Unit Promosi Kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri Kedah ke Kolej Komuniti Sungai Petani pada 27 Julai 2020.

Lawatan ini adalah khusus untuk mendapatkan maklumat berkaitan unit Terapi Kecantikan & SPA.



## TAKLIMAT PEMANTAUAN & PEMBENTANGAN AKHIR GERAN T-ARGS

1 Julai-Taklimat Pemantauan & Pembentangan Akhir Geran Projek Dana Penyelidikan TVET Applied Research Grant Scheme (T-ARGS) bagi Fasa 2018-2019 kepada DR Ishak Bin Mohamad, Pengarah Pusat Penyelidikan & Inovasi, JPPKK.

Turut hadir bersama-sama dalam taklimat adalah Ts. Khairul Anuar Bin Ishak, Pengarah KKSP , Puan Najmiah Hj Abdullah, mantan Pengarah KKSP dan DR Saifuddin Kumar Bin Abdullah, Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan & Inovasi, JPKK.

Semoga dipermudahkan urusan pembentang iaitu Saudara Quah Wei Boon dan Puan Nor Azrena Aziz yang merupakan pensyarah Operasi Perhotelan KKSP.

## LAWATAN & SESI PERKONGSIAN ILMU BERSAMA POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR

22 Julai-Lawatan & sesi perkongsian ilmu mengenai kolaborasi industri, perlaksanaan sijil dan diploma profesional dan tatacara akaun amanah oleh Politeknik METR0 Tasek Gelugor bersama Kolej Komuniti Sungai Petani.

Terima kasih di atas segala perkongsian, semoga semua beroleh manfaat demi meningkatkan kecemerlangan Politeknik dan Kolej Komuniti umumnya.



## LAWATAN & SESI PERKONGSIAN ILMU BERSAMA NAZA ACADEMY



22 Julai-Pengarah Kolej Komuniti Sungai Petani, Tuan Ts Khairul Anuar Bin Ishak bersama Timbalan Pengarah Akademik dan pensyarah Unit Servis Kenderaan Ringan KKSP telah melapangkan masa ke Naza Academy, Gurun bagi membincangkan mengenai status perlaksanaan Kursus Penyelenggaraan HVAC Light Vehicle & HVAC Maintenance di bawah program pembiayaan kompetitif dan geran padanan Perbadaharaan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) bagi tahun 2020.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Encik Noor Amirulaman Bin Sulaiman, Principle Naza Academy. Turut serta bersama-sama beliau iaitu Encik Mahadhir bin Abd Karim, Head of Technical Training Department dan Encik Rosli bin Marzuki, Human Resources, Account & Hostel Manager.

# MESYUARAT KHAS BERSAMA NAZA CORPORATIONS HOLDINGS SDN BHD



7 Ogos-Mesyuarat khas bersama Naza Corporation Holdings Sdn Bhd pada 7 Ogos 2020 bertempat di Kuala Lumpur. Pengarah KKSP,Ts. Khairul Anuar bin Ishak telah membentangkan beberapa perancangan berkaitan automotif yang merupakan salah satu program sepenuh masa di KKSP kepada pegawai-pegawai Naza Corporation iaitu En. Azrul Reza Aziz,Chief Strategy Officer& Group Strategy Division,Encik Mohd Firdaus Zulkifli,Head Of Business Development & Group Strategy Division dan Encik Amirulaman Sulaiman,Principle Naza Academy.

Turut hadir adalah Encik Azrul Hisham,Pengarah KK Jerai dan pensyarah Unit SKR KKSP iaitu Encik Zulkifli Abdullah dan Encik Zaisham Shah Bhari.

# TAKLIMAT KHAS BERSAMA PELAJAR BAHARU



9 Ogos-Taklimat Khas kepada pelajar-pelajar baharu Sesi Jun 2020 telah diadakan di KKSP pada 9 Ogos 2020.

Taklimat ini adalah sebagai salam perkenalan kepada semua pelajar yang telah melapor diri bermula 3-6 Ogos lalu.

Kesempatan ini juga digunakan sebagai platform untuk menyampaikan beberapa perkara penting berkaitan Normal Baharu sebagai peringatan kepada semua.





Terima kasih pasukan Audit Akreditasi Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM). Pasukan Audit Akreditasi yang hadir ke KKSP pada hari ini adalah daripada Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Kedah.

Semoga hasrat KKSP untuk menjadi Sekolah Latihan Pengendali Makanan diper mudahkan.

# MESYUARAT PEGAWAI PSIKOLOGI



16 Julai-Mesyuarat Pegawai Psikologi Zon Utara  
tahun 2020 & Perbincangan SOP Pengurusan Psikologi  
Zon Utara.

# AUDIT PENGESAHAN DATA BAKI AWAL ASET TAK ALIH DI KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI



13 Ogos-Kolej Komuniti Sungai Petani telah dikunjungi oleh pasukan Unit Audit Dalam (UAD), Kementerian Pengajian Tinggi ke bagi menjalankan rutin audit aset tak alih.

# KUNJUNGAN HORMAT KEPADА AGensi MEI-OGOS 2020





# JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

9 Julai- Ts Khairul Anuar Bin Ishak, Pengarah Kolej Komuniti Sungai Petani melaksanakan kunjungan hormat kepada Ketua Kastam Sungai Petani, Tuan Mohd Sukri bin Jusoh.



# PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KUALA MUDA/YAN



12 Julai-Kunjungan hormat kepada Tuan Muhtar Bin Mansor, Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Muda/Yan oleh Ts. Khairul Anuar Bin Ishak, Pengarah Kolej Komuniti Sungai Petani.



# AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN DAERAH KUALA MUDA



14 Julai-Kunjungan Hormat kepada Puan Arnida binti Ishak, Ketua AADK Daerah Kuala Muda oleh Ts. Khairul Anuar bin Ishak, Pengarah Kolej Komuniti Sungai Petani.



# JABATAN PENERANGAN DAERAH KUALA MUDA

14 juli-Ts. Khairul Anuar bin Ishak, Pengarah Kolej Komuniti Sungai Petani mengadakan kunjungan hormat kepada Encik Jamil bin Zainol, Pegawai Penerangan Daerah Kuala Muda sebagai salam perkenalan.

Semoga inisiatif untuk melaksanakan pelbagai program bersama pelajar Kolej Komuniti dapat dilaksanakan dengan jayanya dan terima kasih kerana menerima kunjungan kami.



# JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT ZON 2 KEDAH & KETUA BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT AMANJAYA



14 Julai-Ts. Khairul Anuar bin Ishak, Pengarah KKSP telah mengadakan lawatan hormat kepada Tuan Hj Marzukhi bin Shaffie, Ketua Zon Jabatan Bomba dan Penyelamat Zon 2 Kedah dan Encik Mohd Azri bin Mad Saad, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Amanjaya pada 14 Julai 2020.

Terima kasih di atas segala perkongsian dan nasihat berkaitan keselamatan kepada pihak kolej.

# IBU PEJABAT POLIS DAERAH KUALA MUDA



16 Julai-Kunjungan Hormat kepada ACP Adzli Bin Abu Shah, Ketua Polis Daerah Kuala Muda oleh Ts. Khairul Anuar Bin Ishak, Pengarah Kolej Komuniti Sungai Petani pada 16 Julai 2020.

Turut bersama dalam sesi kunjungan adalah Puan Nor Zalina Mohd Yusof, Timbalan Pengarah Pengurusan, Encik Roazam Bin Ahmad, Timbalan Pengarah Akademik, ASP Farkhana Binti Ishak, Pegawai Perhubungan Kolej dan Inspektor Teng Sai Hou, Pen. Pegawai Perhubungan Kolej.

Terima kasih di atas segala perkongsian berkaitan keselamatan kepada pihak kolej.

# KPDNHEP SUNGAI PETANI



20 Julai-Terima kasih Tuan Mazlan Bin Safar, Ketua Cawangan KPDNHEP Sungai Petani di atas kesudian mengunjungi Kolej Komuniti Sungai Petani.

Semoga KKSP dapat menjalin kerjasama bersama KPDNHEP dalam memberi pendedahan kepada pelajar dan warga KKSP berkenaan perdagangan dalam negeri dan kepenggunaan.

# KOLEJ KOMUNITI BALING



26 Julai- Menghubung dan menyatu demi ukhwah yang satu. Tuan Pengarah KKSP, Ts Khairul Anuar bin Ishak mengadakan kunjungan hormat kepada Puan Sobah binti Abdul Hamid iaitu rakan sejawatan beliau yang menerajui Kolej Komuniti Baling.

Terima kasih di atas layanan terbaik dari pihak KKBK.

# SMPKV MERBOK



28 Julai-Kunjungan Hormat kepada Tuan Suhaini bin Shaari, Pengetua Sekolah Menengah Pendidikan Khas Merbok oleh Tuan Ts. Khairul Anuar bin Ishak, Pengarah Kolej Komuniti Sungai Petani pada 28 Julai 2020.

Terima kasih kepada pihak sekolah di atas kesudian menerima kunjungan kami.

# LAWATAN OLEH PUSAT PROMOSI KESIHATAN KOMUNITI



27 Julai-Lawatan rasmi oleh Pusat Promosi Kesihatan Komuniti (PPKK), Alor Setar dan Unit Promosi Kesihatan ,Jabatan Kesihatan Negeri Kedah ke Kolej Komuniti Sungai Petani pada 27 Julai 2020.

Lawatan ini adalah khusus untuk mendapatkan maklumat berkaitan unit Terapi Kecantikan & SPA.



# **KURSUS**


## **MEI-OGOS 2020**

# KURSUS LATIHAN PENGENDALI MAKANAN

23 Julai-Kolej Komuniti Sungai Petani hari ini menerima peserta Kursus Latihan Pengendali Makanan daripada warga Angkatan Tentera Malaysia.

Rata-rata peserta ini adalah individu yang terlibat dalam pengendalian makanan.Kursus ini dikendalikan oleh Puan Hanisah Ahmad yang merupakan tenaga pengajar bagi Kursus Latihan Pengendali Makanan yang diktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.





1 Julai-Kursus Pengendalian Makanan telah dilaksanakan sebanyak dua sesi kepada semua pelajar Kulinari dan Operasi Perhotelan Semester 3 dengan mengikuti semua SOP Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan normal baharu.

Kursus ini merupakan kursus WAJIB yang perlu diikuti oleh pelajar Sijil Operasi Perhotelan & Kulinari sebelum keluar mengikuti Latihan Industri.

# SEMINAR PEMERKASAAAN USAHAWAN KEDAH



Seminar Pemerkesaan Usahawan Kedah pada 8 Ogos 2020 di KKSP.  
Tuan Pengarah,Ts. Khairul Anuar Bin Ishak hadir bagi merasmikan seminar tersebut yang disertai oleh usahawan berdaftar di negeri Kedah.

# KLINIK PROPOSAL HLP

TIPS Menulis Proposal

TIPS Penyediaan Dokumen HLP

TIPS Temuduga HLP  
**PROGRAM PECUTAN  
EKSPRES**

2 September 2020

8.30 pagi - 5.00 petang  
Dewan Kuliah KKSP



PERKONGSIAN OLEH:  
**DR. REEZLIN BIN ABD RAHMAN**

PROPOSAL WORKSHOP

YOUR TICKET  
FOR THE FUTURE

HANDS ON:  
PRACTICAL,  
DISCUSSION &  
CONSULTATION

# KLINIK PROPOSAL HLP



Meeting details ^



Present now

## CHAPTER 1 INTRODUCTION

WRITING TARGET



SIGNIFICANCE OF THE STUDY

- APAKAH SUMBANGAN KAJIAN INI?



### BACKGROUND OF THE STUDY

- APakah LATAR BELAKANG TENTANG KAJIAN ANDA?



### PROBLEM STATEMENT

- APA MASALAH KAJIAN ANDA?
- APA KAITAN MASALAH KAJIAN DENGAN FAKTOR ANDAIAN ANDA?
- BAGAIMANA FAKTOR ANDAIANINI DAPAT MEMBANTU MENYELESAIKAN MASALAH KAJIAN?



### CONCEPTUAL FRAMEWORK

- PERHUBUNGAN FAKTOR-FAKTOR PENYUMBANG DALAM KAJIAN DI LAKUKAN DALAM BENTUK LUKISAN KONSEP




### HYPOTHESIS, RO, RQ

- PENYATAAN HIPOTESIS
- PENENTUAN OBJETIF KAJIAN
- PEMBENTUKAN SOALAN KAJIAN

## Pembolehubah / Variables

Kenalpasti Faktor-faktor untuk Kajian anda





# **PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN DALAM TALIAN MEI-OGOS 2020**

# PENGUMUMAN RASMI OLEH PENGARAH



## PENGUMUMAN RASMI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN & PENGAJARAN DALAM TALIAN (PdPDT)

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (TEMCO) di beberapa mukim di negeri Kedah telah bermula dari 3hb Ogos 2020 sehingga 30hb Ogos 2020 berikutnya penularan wabak COVID-19. Bagi Kolej Komuniti Sungai Petani (KKSP) yang berada di daerah Kuala Muda, disebabkan terdapat penularan kes COVID-19 serta kewujudan kluster – kluster baharu , pihak Kolej Komuniti Sungai Petani telah memutuskan untuk melaksanakan kaedah Pembelajaran & Pengajaran Dalam Talian (PdPDT).

Pelaksanaan PdPDT ini akan melibatkan semua Program Pengajian merangkumi semua pelajar berdaftar Sesi Jun 2020 bermula **16 Ogos 2020 sehingga 19 Ogos 2020**.

Justeru, pihak KKSP amat berharap semua pelajar dan warga KKSP agar mematuhi setiap SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta tidak berada di kawasan – kawasan yang telah dikenalpasti berisiko dengan penularan wabak COVID-19. Sebarang makluman rasmi terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

PENGARAH  
KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI  
16 OGOS 2020



## PENGUMUMAN RASMI PELANJUTAN PELAKSANAAN PEMBELAJARAN & PENGAJARAN DALAM TALIAN (PdPDT)

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (TEMCO) di beberapa mukim di negeri Kedah telah bermula dari 3hb Ogos 2020 sehingga 30hb Ogos 2020 berikutnya penularan wabak COVID-19. Bagi Kolej Komuniti Sungai Petani (KKSP) yang berada di daerah Kuala Muda, disebabkan terdapat penularan kes COVID-19 serta kewujudan kluster – kluster baharu , pihak Kolej Komuniti Sungai Petani telah memutuskan untuk melaksanakan kaedah Pembelajaran & Pengajaran Dalam Talian (PdPDT),

Pelaksanaan PdPDT ini yang bermula pada 16 Ogos 2020 sehingga 19 Ogos 2020 **dilanjutkan dari 23 Ogos 2020 hingga 30 Ogos 2020**. PdPDT akan melibatkan semua Program Pengajian merangkumi semua pelajar berdaftar Sesi Jun 2020.

Justeru, pihak KKSP amat berharap semua pelajar dan warga KKSP agar mematuhi setiap SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta tidak berada di kawasan – kawasan yang telah dikenalpasti berisiko dengan penularan wabak COVID-19. Sebarang makluman rasmi terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

PENGARAH  
KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI  
19 OGOS 2020



## PENGUMUMAN RASMI PELANJUTAN KE-2 PELAKSANAAN PEMBELAJARAN & PENGAJARAN DALAM TALIAN (PdPDT)

Penularan wabak COVID-19 masih berleluasa di beberapa daerah dan mukim dalam negeri Kedah sepanjang Ogos 2020. Kolej Komuniti Sungai Petani (KKSP) yang berada di daerah Kuala Muda turut berada dalam keadaan berisiko.

Dengan mengambil kira beberapa penularan kes COVID-19 serta kewujudan kluster – kluster baharu yang masih aktif sepanjang Ogos 2020, pihak pengurusan KKSP telah memutuskan untuk melaksanakan kaedah Pembelajaran & Pengajaran Dalam Talian (PdPDT) sejak 16 Ogos yang lalu.

Pengurusan KKSP akan melaksanakan **perlanjutan kali ke-2 PdPDT bermula pada 01 hingga 03 September 2020** yang melibatkan semua pelajar Program Pengajian serta pelajar berdaftar Sesi Jun 2020.

Justeru, pengurusan KKSP berharap semua pelajar dan warga KKSP mematuhi setiap SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta tidak berada di kawasan – kawasan yang telah dikenalpasti berisiko dengan penularan wabak COVID-19.

Sebarang makluman rasmi terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

PENGARAH  
KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI  
27 OGOS 2020

# PELANCARAN RASMI VIDEO PDP





# TIPS-TIPS

# TIPS MENANGGANI PANDEMIK COVID'19

Oleh: Puan Siti Norziha Kamaluddin

## AMBIL MASA UNTUK TENANGKAN DIRI.

Ambil masa untuk duduk Dan rehat sebentar.Lakukan teknik pernafasan agar Kita lebih relax..apabila minda berada dlm keadaan tenang,anda akan lebih mudah buat tindakan yang rasional.

## JAGA KEBERSIHAN

Tingkatkan kebersihan diri,ahli keluarga,Rumah Dan premis.Anda bole Mula dengan melakukan kebersihan seperti sanatize meja kerja anda Dan kawasan sekitar. Pastikan SOP pendamik dipatuhi. Terus Mandi selepas pulang dari Kerja.



## JAGA PEMAKANAN

Jika anda merasa tertekan,gelisah atau tidak tenang,elakkan dari mengambil kafien tetapi tukar dengan minuman coklat utk rasa lebih tenang. Bnyk Makan makanan yang akan tingkatkan metabolisme apt dari dumber protein ikan ,sayuran Dan buah-buahan. Makan Dark cocholate juga bole Bantu meningkat kan hormon gembira.

## JAUHI BERITA/CERITA NEGATIF DAN MENAKUTKAN.

Bahan bacaan atau bahan ilustrasi yang negatif bole mempengaruhi Minda Dan emosi..Emosi yang negatif akan menyebabkan otak merembeskan hormon negatif yang akan menyebabkan imunisasi badan menurun..apabila imunisasi badan rendah,anda akan mudah terdedah kepada risiko jangkitan penyakit..

Banyak baca,dengar Dan lihat bahan-bahan yang baik dan menambah ilmu pengetahuan.cth; perbanyak bacaan ayat Al Quran.

# SANTAPAN JIWA

OLEH: USTAZAH NURUL HUDA BINTI HABIB ZULKARNAIN

## 5 TIPS MERDEKAKAN DIRI MELALUI HIJRAH

**Bertaubat & Melakukan Kebaikan** – Sebagai hamba Allah, kita sering melakukan dosa. Bertaubat daripada dosa hukumnya adalah wajib. Allah SWT berfirman yang maksudnya: " Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya. (Surah al-Nur: 31). Semoga Allah SWT mengampunkan segala dosa-dosa kita serta mengurniakan kepada kita kefahaman dalam mengamalkan suruhan-Nya.

**Berdoa & bertawakkal** – Kita hendaklah sentiasa berdoa dan bertawakkal agar dibantu dan dipimpin Allah dalam setiap apa jua perbuatan kita sehari-hari. Rasulullah s.a.w bersabda " Doalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu yakin bahawa Allah SWT akan memustajabkannya." (Hadis Riwayat al-Tirmizi)



**Menuntut Ilmu** – Ilmu adalah langkah awal dalam mencari kebaikan. Rasulullah s.a.w bersabda " Sesiapa yang dikehendaki kebaikan baginya akan diberikan kefahaman tentang agama" (Hadis Riwayat Ahmad)

**Beramal dengan Ilmu** – Ilmu yang tidak diamalkan ibarat pokok yang tidak berbuah. Allah mengingatkan kepentingan beramal melalui firman-Nya yang bermaksud: " Dan beramallah, nescaya Allah, Rasul-Nya dan orang yang beriman akan menilai amalan kamu." (Surah At-Taubah 9: 105)

**Bermujahadah dengan Istiqomah** – Dalam beramal dengan ilmu, kita akan menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan. Oleh itu kita perlukan kesungguhan dan kegigihan untuk menangani hawa nafsu dan godaan syaitan. Inilah yang dimaksudkan dengan mujahadah. Firman Allah yang bermaksud: Orang yang bersungguh-sungguh di jalan Kami, nescaya kami akan tunjukkan jalan-jalan kami." (Surah Al-Ankabut 29: 69). Pesan Rasulullah s.a.w. yang mafhumnya: " Sebaik-baik amalan ialah berterusan walaupun sedikit." ( Hadis Riwayat Muslim)

# INFO KKSP BOLEH DICAPAI DI .....



Kolej komuniti Sungai Petani



Kk\_sungaipetani



KolejKomunitiSungaiPetani



<http://kksungaipetani.mypolycc.edu.my>



**KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI  
NO 77 LENGKOK CEMPAKA 1  
PUSAT BANDAR AMANJAYA  
08000 SUNGAI PETANI  
KEDAH**

**TEL:04-4413909  
FAKS:04-4412924**